

Ruj Kami : Bil. (60) PTG.NS 10/17
Tarikh : September 2009

Pentadbir Tanah Daerah

Seremban
Port Dickson
Tampin
Kuala Pilah
Rembau
Jelebu
Jempol

Timbalan Pentadbir Tanah
Daerah Kecil Gemas

Y.Bhg. Dato' / Tuan,

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN 7/2009.

PENDAFTARAN PERSERAHAN YANG MENGANDUNGI SALINAN DOKUMEN YANG DIAKUI SAH OLEH PENDAFTAR MAHKAMAH

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Pentadbiran ini telah mengadakan perbincangan dengan Majlis Peguam Negeri Sembilan bagi mengenal pasti isu / permasalahan yang dihadapi oleh pihak peguam ketika berurusan dengan Pentadbiran ini.

3. Dalam perbincangan tersebut telah dibangkitkan isu berhubung salinan apa-apa dokumen yang diperakukan sah oleh Pendaftar Mahkamah. Melalui rekod perserahan terdahulu, Pentadbiran Tanah Negeri Sembilan mengamalkan agar semua dokumen yang diperakukan sah oleh Pendaftar Mahkamah perlulah dicetak timbul dengan Meterai Mahkamah (emboss with Court Seal). Pentadbiran Tanah Negeri Sembilan juga mendapat kerjasama yang baik daripada pihak Pendaftar Mahkamah dan peguam berhubung perkara tersebut.

4. Walau bagaimanapun, kebelakangan ini, pihak Pendaftar Mahkamah memaklumkan bahawa dokumen yang telah diperakukan sah oleh Pendaftar tidak perlu dicetak timbul dengan Meterai Mahkamah. Timbul kekeliruan di antara Pendaftar Hakmilik dengan pihak peguam di mana terdapat dokumen perserahan tidak dapat didaftarkan kerana dokumen tersebut tidak dicetak timbul dengan Meterai Mahkamah.

...2/-

5. Sehubungan dengan itu, Pentadbiran ini telah mendapatkan pandangan Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri Sembilan. Dalam maklum balasnya melalui surat PU/NS (JB) 19/92 (33) bertarikh 25 Ogos 2008, beliau memaklumkan bahawa terdapat dua (2) keadaan yang berkaitan dengan isu di atas:

- i. Perintah Mahkamah yang mempunyai cetak timbul dengan Meterai Mahkamah; dan
- ii. Salinan diakui sah oleh Pendaftar Mahkamah yang tidak mempunyai cetak timbul dengan Meterai Mahkamah.

6. Bagi tujuan penyelarasan prosedur perserahan di Pentadbiran Tanah Negeri Sembilan dan selaras dengan pandangan Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri Sembilan, kerjasama pihak Y.Bhg. Dato' / tuan adalah dipohon agar memberi perhatian kepada perkara berikut:

- i. Hanya Perintah Bersih Mahkamah sahaja yang perlu dicetak timbul dengan Meterai Mahkamah; dan
- ii. Dokumen yang diperakui sah oleh Pendaftar Mahkamah tidak perlu dicetak timbul dengan Meterai Mahkamah. Selama mana apa-apa dokumen telah diperakui sah oleh Pendaftar Mahkamah, maka ianya tidak perlu dicetak timbul dengan Meterai Mahkamah. Ini beerti Pendaftar Hakmilik boleh menerima salinan yang diperakui sah tanpa apa-apa keraguan.

Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat keperluan untuk memastikan bahawa salinan yang diakui sah itu benar-benar salinan dari Perintah Bersih Mahkamah, Pendaftar Hakmilik masih boleh memohon kepada pihak yang mengemukakan dokumen itu untuk menunjukkan Perintah Bersih Mahkamah yang mempunyai cetak timbul dengan Meterai Mahkamah.

7. Arahan ini adalah berkuatkuasa serta-merta.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

Saya yang menurut perintah.

(DATO' ZAFFARUDIN BIN SHARIF)

Pengarah Tanah dan Galian
Negeri Sembilan Darul Khusus.

s.k Setiausaha Sulit Kepada Y.A.B Menteri Besar Negeri Sembilan

YB. Setiausaha Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan

YB. Penasihat Undang-Undang Negeri, Negeri Sembilan

YB. Pegawai Kewangan Negeri, Negeri Sembilan

Edaran Dalaman

Timbalan Pengarah (Pg)

Timbalan Pengarah (Pd)

Penolong Pengarah (P/HM)

Penolong Pengarah (HM/S)

Penolong Pengarah (H)

Penolong Pengarah (P)

Penolong Pengarah (PT)

Penolong Pengarah (TM)

Penolong Pengarah (U)